

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**SOALAN NO. 376**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan jangka masa panjang negara dalam menangani isu-isu penduduk yang memegang dokumen IMM13 dan penduduk tanpa warganegara yang semakin bertambah terutamanya di Sabah dan Labuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Rancangan jangka panjang bagi menangani isu-isu penduduk yang memegang dokumen IMM13 dan penduduk tanpa warganegara yang semakin bertambah terutamanya di Sabah dan Labuan perlu diteliti sebaik mungkin oleh Kementerian Dalam Negeri dan kerajaan negeri Sabah, kerana ianya melibatkan dasar kepada pengeluaran IMM13 dan penarafan status pelarian perang kepada warga Filipina.
2. Walau bagaimanapun, warga negara asing (bukan pemegang IMM13) yang memasuki negara secara tidak sah, akan diusir selaras dengan peruntukan di bawah Akta Imigresen Malaysia.

Sekian, terima kasih.